

Nadwah Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Arab

Nadwah Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ke-3 akan diadakan di Auditorium Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), pada 3 dan 4 Oktober ini.

Seminar bertemakan Penterjemahan sebagai Wahana Ilmu itu, bertujuan melihat perkembangan ilmu linguistik dan kesusasteraan Arab kontemporari.

Pembentang utama nadwah itu ialah Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Dr Muhammad Bukhari Lubis; Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam, Prof Madya Dr Arif Karkhi Abu Khudairi (Brunei) dan penterjemah Indonesia, Dr Saifullah Kamalie.

Antara subtema nadwah ialah penterjemahan dalam konteks media, teknologi, pengantara-bangsaan, masa depan serta kelangsungannya serta penterjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Nadwah itu turut menyorot penterjemahan teks sastera dan agama seperti al-Quran, al-Hadis serta Fiqh, selain terjemahan teks khusus dan dokumen rasmi.

Program dianjurkan Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM.

Maklumat lanjut hubungi Dr Pabiyah di talian 019-3970995/03-89468678; Dr Che Radiah (019-6053123/03-89468713); Dr Reha (019-3770822/03-89468767); Dr Ab Halim (012-6369447/03-89468665); Dr Zul (013-2976748/03-89468735); faks 03-89468666; e-mel info@nadwahupm.com atau lawati laman web www.nadwahupm.com.